

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JUNE 2016

Kemenangan luar biasa BN bukti deklarasasi rakyat ditolak

BH-19/6/2016

→ Najib minta wakil rakyat BN buang sikap ego, takbur dan tidak sabotaj sesama sendiri



Kemenangan BN di kedua-dua kerusi Parlimen dengan majoriti besar, menang di PRN Sarawak bukti keyakinan rakyat terhadap parti ini”

Najib Razak,
Perdana Menteri

► Sungai Besar

Datuk Seri Najib Razak menyifatkan kemenangan luar biasa Barisan Nasional (BN) di Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar sebagai penolakan rakyat terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad dan deklarasasi dibawanya.

Perdana Menteri berkata, agenda Dr Mahathir yang mengajak rakyat memburukkan kepemimpinannya (Najib) dan parti yang pernah diterajunya dengan bersekongkol dengan musuh adalah untuk kepentingan diri.

“Bagaimanapun, kemenangan BN

di kedua-dua kerusi Parlimen hari ini (semalam) dengan majoriti besar ditambah kemenangan di Pilihan Raya Negeri Sarawak (PRN) Ke-11 bulan lalu, membuktikan keyakinan rakyat terhadap parti ini,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, ketika berucap di sini, malam tadi, Najib meminta wakil rakyat BN membuang sikap ego, takbur dan tidak sabotaj sesama sendiri.

“Saya mahukan kemenangan di Sungai Besar menjadi permulaan untuk mengembalikan Selangor ke pangkuan BN. Kita perlu berjuang dalam satu keluarga dan pasukan. Jangan hilang fokus dan tumpuan

kerana sasaran kita adalah pilihan raya umum yang akan datang,” katanya.

Tampil calon terbaik

Di Kuala Kangsar, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata calon terbaik ditampikan serta perpaduan dan gerak kerja tersusun jentera semua peringkat menjadi kunci kemenangan BN di Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Timbalan Perdana Menteri berkata walaupun berdepan banyak kepayahan dan halangan, dengan kerjasama semua jentera parti di setiap peringkat, ia akhirnya membuahkan hasil buat BN.